




# fokus KUKUM-Industry Forum 2003

Pusat Kerjasama Industri (PKI) KUKUM telah mengadakan satu forum iaitu 'KUKUM - Industry Forum 2003' pada 25 Februari 2003, bertempat di Bilik Mesyuarat Melati, Kulim Technology Management (IT Centre), Taman Teknologi Tinggi Kulim.

Forum ini antara lain bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas berkenaan kurikulum program Sarjana Muda Kejuruteraan yang sedang dan bakal ditawarkan oleh pihak KUKUM. Forum sebegini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan daripada KUKUM untuk memantapkan kurikulum kejuruteraan serta merapatkan hubungan antara KUKUM dengan industri di Malaysia khususnya di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Pulau Pinang dan Sungai Petani.



KUKUM - Industry Forum 2003 berjaya mengumpul sebanyak 25 buah syarikat industri utama dan berteknologi tinggi dengan keseluruhan 46 wakil. Antara syarikat yang terlibat menjayakan forum ini termasuklah Intel, Wacker, NSCE, Asahi Best Base, Advanced Disk Technology, Hamada Tech, Marconi, Altera, Silterra, IC Microsystem, Agelent Technologies, TNB Cables, Advanced Composite Manufacturing, SIRIM dan beberapa lagi syarikat lain.

Program berbentuk forum sebegini diharap mampu memperkenalkan KUKUM kepada industri dan menunjukkan komitmen tinggi KUKUM dalam mendapatkan penyertaan berterusan industri dan pengiktirafan industri terhadap program akademiknya. Forum sebegini juga mampu memberikan input yang terkini kepada bidang pendidikan dan penyelidikan supaya pelajar-pelajar dalam bidang kejuruteraan menepati kehendak semasa dan mampu memberikan sumbangan ke arah merealisasikan impian negara menuju era teknologi.